



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PAHANG TAHUN 2018 SIRI 3**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang bagi memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.
2. LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3 bagi 12 negeri di Malaysia termasuk Negeri Pahang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Julai 2020, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
3. LKAN mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 3 pula akan dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 24 Ogos 2020, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Pahang.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- i. Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- ii. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 ini, satu (1) pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Pahang iaitu Pengurusan Projek Pembangunan Tanjung Agas Maritime Park (TAMP) di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Secara keseluruhannya, objektif pembangunan TAMP tidak berjaya dicapai bagi mewujudkan sebuah pusat pertumbuhan baru dalam bidang *supply base and marine services* serta menyediakan kawasan perindustrian yang berasaskan minyak dan gas. Pencapaian *outcome* projek pula belum boleh diukur dan dinilai kerana projek belum siap sepenuhnya dan masih tidak beroperasi seperti yang dirancang.
- iii. Selain itu, pengurusan perancangan pembangunan projek kurang memuaskan kerana tiada Perancangan Pembangunan

yang menyeluruh dibentangkan kepada Kerajaan negeri. Pelaksanaan komponen pembangunan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antaranya disebabkan masalah sumber pembiayaan. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan tarikan pelabur untuk beroperasi di TAMP.

#### **4.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- i. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga (3) aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
  - ii. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 ini, satu (1) pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Pahang iaitu LKPP Property Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus syarikat kurang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan antaranya dalam aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat dan *Standard Operating Procedures* (SOP). Pelaksanaan aktiviti pembangunan hartanah pula kurang cekap kerana projek lewat disiapkan menyebabkan syarikat perlu membayar Ganti Rugi Kelewatan kepada pembeli. Bagaimanapun, kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap stabil dengan mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM8.29 juta pada tahun 2018.
5. Ketua Pegawai Eksekutif agensi/Pengurus Besar syarikat kerajaan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta

maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Pegawai Eksekutif agensi/Pengurus Besar syarikat berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan tujuh (7) syor terhadap pengurusan aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

6. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 3 dijadual dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada 24 Ogos 2020. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 24 Ogos 2020 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia

24 Ogos 2020